

1. RE09 – Ijazah Sarjana Muda Perniagaan (Kepujian) (Perniagaan Antarabangsa)

Matlamat program ini adalah untuk melahirkan pelajar yang berpengetahuan serta berkebolehan mengendalikan urusan perniagaan di arena antarabangsa sesuai dengan kedudukan Malaysia yang semakin meningkat dalam konteks perdagangan antarabangsa serta melahirkan tenaga pakar sebagai pengurus atau pekerja dalam apa jua dunia perniagaan. Maka, ilmu pengetahuan dan kefahaman tentang isu global serta ilmu perniagaan antarabangsa merupakan persediaan penting untuk menghadapi dunia perniagaan yang lebih kompetitif.

Graduan daripada program ini dapat memahami intipati untuk menjalankan pengurusan perniagaan di Malaysia dan di peringkat global di samping memahami faktor budaya, bahasa, sistem politik, geografi, dan sosio ekonomi. Mereka juga mempunyai kebolehan menggabungkan dan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari, berketrampilan, boleh berdikari serta berupaya mencari penyelesaian kepada pelbagai bentuk masalah melalui pemikiran yang inovatif dan kreatif serta didokongi sifat mulia dan terpuji.

Selain itu, program ini juga dapat menarik minat pelajar-pelajar antarabangsa untuk belajar di Malaysia dalam bidang pengurusan perniagaan sejajar dengan hasrat kerajaan menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi bertaraf dunia (*world class education*).

Kerjaya utama bagi graduan lulusan program ini adalah sebagai pengurus dalam bidang pekerjaan yang berasaskan kemahiran pengurusan, operasi, kewangan, audit, pelaburan dan perbankan, sumber manusia , pemasaran dan teknologi maklumat. Graduan ini juga berkemampuan memberikan perkhidmatan pakar dalam sektor penyelidikan dan pembangunan industri perniagaan melalui khidmat nasihat perniagaan, urusniaga perdagangan ke atas syarikat multinasional, industri tempatan, industri kecil, universiti dan badan korporat dan agensi kerajaan. Mereka juga berupaya memberikan perkhidmatan dalam bidang perundingan dan penasihatannya contohnya sebagai perunding pengurusan projek dan perancang pelan perniagaan.

Antara peluang kerjaya yang berkaitan :

- Pegawai/ Eksekutif Kewangan
- Perunding Perniagaan
- Pelatih Pengurusan
- Penasihat Pelaburan
- Perunding Export/Import
- Pegawai Penyelidik
- Penganalisis Pertukaran Matawang
- Pegawai Tadbir dan Diplomatik
- Pengurus Pengangkutan (Laut, Udara, Air dan Paip)
- Pegawai/ Eksekutif Keselamatan dan Kesihatan
- Perunding/ Pengurus Logistik/ Penyimpanan/ Gudang
- Pembuat Keputusan/Ketua dalam Organisasi/ Projek Antarabangsa/ Tugasan Antarabangsa
- Pengurus/ Eksekutif di bidang Pemasaran, Operasi, Sumber Manusia, Hotel & Fasiliti, dan Industri Pelancongan
- Pegawai Perhubungan Awam
- Pegawai/ Eksekutif Kredit
- Perancang Organisasi Strategik
- Pegawai Diplomat
- Teknousahawan/ Usahawan Atas Talian
- Agen Pengagihan (Forwarding Agent)
- Pengurus Operasi
- Pengeksport/ Pengimport
- Pegawai Kastam (dokumentasi, cukai dan tarif)
- Pegawai/ Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan
- Ahli Akademik/ Pembantu Penyelidik/ Pegawai Penyelidik
- Juruanalisa Perniagaan/ Perancang Perniagaan

2. RP52 – Ijazah Sarjana Muda Perniagaan (Kepujian) (Keusahawanan Kejuruteraan)

Matlamat program ini adalah untuk melahirkan usahawan yang berasaskan kejuruteraan dan teknologi pengurusan yang menyediakan pelajar dengan ilmu pengetahuan khusus dalam bidang keusahawanan dan pengurusan perniagaan. Program ini direkabentuk untuk para pelajar yang berminat dalam bidang keusahawanan tetapi mahu membangunkan pengetahuan dan kemahiran atas ilmu kejuruteraan yang berkaitan dengan penghasilan dan pemasaran produk-produk berdasarkan teknologi dan industri.

Seterusnya, program ini berhasrat melahirkan graduan yang mempunyai kefahaman dan kemahiran yang lebih seimbang antara aspek keusahawanan dan teknikal melalui pembelajaran kursus-kursus asas kejuruteraan dan keusahawanan. Mereka juga mampu berdikari, komited terhadap lapangan yang diceburi serta mempunyai daya saing yang tinggi untuk berhadapan dengan cabaran di era globalisasi pada masa kini.

Graduan Keusahawanan Kejuruteraan mempunyai prospek kerjaya yang amat cerah memandangkan mereka dilatih untuk menjadi usahawan teknologi yang berjaya. Berbekalkan ilmu, kemahiran dan pengalaman melalui program inkubator secara off-campus, graduan diyakini mampu menceburkan diri secara sepenuh masa dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Tidak dinafikan, mereka akan berhadapan dengan segala risiko yang perlu dihadapi oleh seorang usahawan. Namun diyakini graduan program ini mampu menghasilkan individu yang berdaya saing yang tinggi, komited, cekal untuk berjaya dalam bidang perniagaan dan keusahawanan.

Antara peluang kerjaya yang berkaitan :

- Teknousahawan/ Usahawan Atas Talian
- Pegawai/ Eksekutif Kredit
- Pegawai/ Eksekutif Kewangan
- Ahli Akademik
- Pegawai Acara
- Pelatih Pengurusan
- Perancang Organisasi Strategik
- Pegawai/ Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan
- Pengurus/ Eksekutif di bidang Pemasaran, Operasi, Sumber Manusia
- Perunding Perniagaan
- Pegawai Tadbir dan Diplomatik
- Pegawai/ Eksekutif Projek
- Jurutera Jualan/ Eksekutif Jualan
- Pegawai Logistik/ Pergudangan
- Perunding Perniagaan
- Pegawai Operasi
- Pegawai/ Eksekutif Keselamatan dan Kesihatan
- Pegawai Penyelidik